



MENTERI KANAN KERJA RAYA
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

SELESAIKAN SEMUA ISU BERKAITAN RFID PADA KADAR SEGERA - MENTERI KANAN KKR BERI PERINGATAN KEPADA TOUCH N GO DAN PLUS

Pelaksanaan transaksi tol menggunakan teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) adalah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi PLUS, dengan RFID dibekalkan oleh syarikat Touch N Go.

Ini merupakan projek rintis dengan sebelum ini RFID untuk kawasan dalam bandar sudah pun dilaksanakan, manakala sekarang PLUS melaksanakan di peringkat Lebuhraya Utara Selatan. Memandangkan ia merupakan projek rintis, maka ada berapa perkara yang mereka terpaksa lalui dan ianya akan selesai.

Kementerian Kerja Raya sudah pun memanggil pihak PLUS dan juga Touch N Go untuk memastikan supaya semua isu berhubung kait dengan pelaksanaan RFID dapat diselesaikan secepat mungkin.

Untuk makluman juga semua ini merupakan hanya projek rintis maknanya hanya satu daripada lorong tol dipasang RFID. Yang lain masih ada SmartTag dan Touch N Go. Walaupun transaksi tol RFID telah beroperasi, namun pengguna masih mempunyai pilihan untuk menggunakan lorong transaksi melalui kad Touch N Go dan juga lorong Smart Tag.

Di peringkat Kementerian kita akan terus memantau dan memastikan pihak PLUS dan Touch N Go menyelesaikan apa sahaja isu yang berhubung kait dengan penggunaan Lorong RFID itu. Bukan sahaja RFID, malahan Smart Tag dan sebagainya supaya apa juga aduan daripada orang ramai diambil serius.

Pihak terbabit perlu menyelesaikan segera semua permasalahan supaya ianya tidak menyusahkan, malahan akan memberi kemudahan dan kesenangan kepada pengguna jalan raya terutama untuk mengelakkan berlakunya kesesakan lalu lintas ataupun kesesakan di pondok tol di seluruh negara.

Mengenai aduan dan rungutan orang ramai membabit RFID, KKR telah pun meminta pihak Touch NGo dan PLUS supaya memberi penjelasan kepada orang ramai dan mencari penyelesaian terbaik terhadap apa juga isu berbangkit.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

www.kkr.gov.my [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:pro@kkr.gov.my) [KEMENTERIAN KERJA RAYA](https://www.facebook.com/kementerian.kerja.raya) [KKR_MALAYSIA](https://www.instagram.com/kkr_malaysia) [@MOWORKS](https://www.linkedin.com/company/kementerian-kerja-raya-official) [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](https://www.youtube.com/channel/UCMOWORKS)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur

